

Anwar minta universiti, agensi bantu golongan miskin **Tak dibenar tolak** **pelajar kurang mampu**

PUTRAJAYA - Semua universiti di negara ini tidak lagi dibenarkan menolak kemasukan mana-mana pelajar miskin hanya kerana mereka tidak mampu membayar yuran pendaftaran pengajian universiti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, arahan itu adalah pertama kali dalam sejarah negara bagi memberi ruang kepada semua pelajar tanpa mengira latar belakang sama ada kaya atau miskin untuk melapor diri di mana-mana universiti.

Katanya, perkara itu diumumkan menerusi Belanjawan 2024 berhubung yuran bagi tujuan pendaftaran masuk ke universiti awam (UA) dihadkan untuk tidak melebihi RM1,500 bermula Januari 2024.

"Yuran universiti, kita beri PTPTN (Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional) RM1,500, tetapi ada yuran universiti lain RM1,800. Jadi, ada keluarga dari Ampang dan dua dari Tambun tidak mahu terima pelawaan ke universiti kerana tidak mampu.

"Jadi, saya bagi arahan tidak ada universiti yang boleh menolak mana-mana pelajar miskin, mesti daftar bagi nama dia dan kementerian atau jabatan harus selesaikan," katanya ketika berucap dalam Perhimpunan Warga Kementerian Kewangan bersama Perdana Menteri di sini semalam.

Sebelum ini, Anwar menerusi Belanjawan 2024 berkata, penyelarasan yuran universiti itu dijalankan supaya selari dengan nilai pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) oleh PTPTN berjumlah RM1,500 kepada semua bakal pelajar baharu yang layak.



ANWAR berucap pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya semalam. - FAISOL MUSTAFA

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata, "penyasaran semula subsidi bukan disifatkan mengenakan cukai ke atas orang kaya, tetapi menarik semula 'sedekah' yang selama ini turut diberikan kepada golongan itu.

Katanya, rakyat perlu faham dan diberi penjelasan sewajarnya tentang pelaksanaan dasar baharu kerana selama ini negara melalui satu kecelaruan dasar yang tidak wajar lagi diteruskan apabila semua golongan masyarakat memperoleh bantuan itu.

"Bagi rakyat yang sedia berfikir kena beritahu mereka, boleh tak

mana-mana kerajaan bertanggungjawab kekal dengan subsidi begitu banyak? Dari mana pendapatan sebanyak RM81 bilion.

"Namun, apakah kita kena potong (subsidi) semua? Tak boleh kerana ia akan membebankan rakyat.

"Subsidi ini makna apa, bantuan kerajaan untuk mengurangkan beban kepada rakyat.

"Adakah patut diberikan kepada mahakaya? Tetapi kita bukan menekan maha kaya, kalau kamu kaya tak perlu beri sedekah, subsidi ini macam sedekah kerajaan," katanya.